



Ruj. Tuan : ME/20221/02/01
Ruj. Kami : JPNKN.800-6/4/2 (55)
Tarikh : 06 April 2022

Adillah bin Abu Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
ME12Pay Digital SDN BHD

Tuan,

MELAKSANAKAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOLS" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI KELANTAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada ME12PAY DIGITAL SDN BHD bertarikh **8 Februari 2022** adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan untuk melaksanakan **Program "Go Digital Schools" Dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) Di Negeri Kelantan Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah pada tahun 2022.** JPN tiada halangan bagi memberi kelulusan kepada permohonan tuan untuk melaksanakan program tersebut dan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 2.1 Mendapat kebenaran daripada pihak sekolah-sekolah yang terlibat;
- 2.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 2.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.6 Penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 2.7 Tiada implikasi kewangan kepada JPN, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;
- 2.8 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.9 Pihak pengajar dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;

...2/-

Ruj. Kami : JPNKN.800-6/4/2 (55)

3.0 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak Kementerian/Jabatan;

3.1 Berdasarkan situasi penularan Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma kehidupan baharu. Keadaan ini menyebabkan banyak program yang melibatkan pihak sekolah khususnya guru dan murid tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan. Pihak tuan perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan; dan

3.2 JPN berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.

3. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan Sebarang pertanyaan sila hubungi **En. Wan Mohd Lokman Al-Hakim b. Wan Mustapha, Penolong Pengarah, Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid** di talian 09-7418103/012-9674831.

Segala kerjasama yang pihak tuan berikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah, •



HJ MASHADI BIN DATO' HJ MUSTAFA A.S.K
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

S.K. :

1. Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan

LOKMAN(SPM)/KesihatanDekstop2022/

“PENDIDIKAN BERKUALITI INSAN TERDIDIK NEGARA SEJAHTERA”